



# RAJA DAN RAKYAT KEKUATAN NEGARA



*Raja dan Rakyat Bersatu*

595  
(f)

Pertubuhan Kebajikan MCIO





## ISI KANDUNGAN

<b>Pendahuluan.....</b>	<b>1</b>
<b>Kebaikan Parti Politik Kerajaan Perpaduan</b>	
Barisan Nasional.....	4
MCA.....	6
MIC.....	7
DAP.....	8
PKR.....	9
<b>Kebaikan Parti Politik Pembangkang</b>	
PAS.....	12
BERSATU.....	13
GERAKAN.....	14
MUDA.....	15
<b>Sumbangan Figura Politik Kerajaan Perpaduan</b>	
<b>DAP:</b>	
LIM GUAN ENG.....	17
<b>PKR:</b>	
DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM.....	19
MOHD RAFIZI BIN RAMLI.....	21
<b>BARISAN NASIONAL:</b>	
DATO' SERI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI.....	22
DATO' SERI MOHD NAJIB BIN RAZAK.....	23
DATIN SERI ROSMAH MANSOR.....	25
DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB.....	27

PUSTAKA PERDANA



1013772

TUN DR. CHE ABDUL DAIM BIN ZAINUDDIN.....	28
TAN SRI DATO' SERI UTAMA MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD.....	30
TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MUSA BIN HAJI AMAN.....	32
TAN SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL.....	34

### **Sumbangan Figura Politik Parti Pembangkang**

#### **BERSATU:**

TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN.....	36
-------------------------------	----

#### **MUDA:**

SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN.....	38
--	----

#### **PEJUANG**

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD.....	40
-------------------------------	----

### **Kelemahan Parti Politik Kerajaan Perpaduan**

DAP.....	45
MCA.....	52
MIC.....	53
PKR.....	54
Barisan Nasional.....	57

### **Kelemahan Parti Politik Pembangkang**

PAS.....	61
BERSATU.....	64
MUDA.....	66
GERAKAN.....	67

## Isu Integriti Figura Politik Kerajaan Perpaduan

### DAP:

LIM GUAN ENG.....69

HANNAH YEOH.....71

### PKR:

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM.....72

MOHD RAFIZI BIN RAMLI.....75

### BARISAN NASIONAL:

DATO' SERI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI.....76

DATO' SERI MOHD NAJIB BIN RAZAK.....78

DATIN SERI ROSMAH MANSOR.....79

DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB.....81

TUN DR. CHE ABDUL DAIM BIN ZAINUDDIN.....82

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN.....83

TAN SRI DATO' SERI UTAMA MOHD ISA  
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD.....84

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MUSA BIN HAJI AMAN.....85

DATUK SERI TENGKU ADNAN TENGKU MANSOR.....86

DATUK SERI AHMAD MASLAN.....87

DR. MOHAMAD KHIR TOYO.....88

TAN SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL.....90

DATUK SERI ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM.....92

## Isu Intergiti Figura Politik Parti Pembangkang

### BERSATU:

TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN.....94

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN.....	96
<b>MUDA:</b>	
SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN.....	97
<b>PEJUANG</b>	
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD.....	98
<b>Tambahan:</b>	
<b>KETUA PERSURUHJAYA SPRM:</b>	
TAN SRI DATO SRI HAJI AZAM BIN BAKI.....	99
<b>MENTERI AGAMA:</b>	
DR. HAJI MOHD NA'IM BIN MOKHTAR.....	100
<b>Kesimpulan .....</b>	<b>104</b>
<b>Rumusan Permasalahan.....</b>	<b>106</b>
<b>Cadangan Solusi.....</b>	<b>107</b>

## 1.0 Pendahuluan

Yang-Dipertuan Agong merupakan pemerintah tertinggi di Malaysia. Ia merupakan jawatan ketua utama negara. Jawatan ini diiktiraf sebagai Raja berperlembagaan yang mempunyai kuasa seiring dengan konsep demokrasi berparlimen dalam pemerintahan negara. Bermaksud kedudukan Yang-Dipertuan Agong dan raja-raja Melayu adalah payung rakyat dan mempunyai kuasa yang tertinggi dalam negara mengatasi Perdana Menteri dan juga wakil rakyat. Justeru MCIO (*Malay Chinese India and Others*) memperkenalkan sebuah buku yang bertajuk **Raja Dan Rakyat Kekuatan Negara: Raja Dan Rakyat Bersatu** bertujuan untuk memberi kefahaman yang menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat tanpa berbilang kaum dan kepercayaan. Permasalahan yang ketara ketika ini, kuasa raja-raja Melayu dipertikaikan walaupun majlis raja-raja Melayu yang membuat keputusan terhadap sesuatu perkara. Pihak MCIO percaya sepenuhnya bahawa Tuanku dan juga raja-raja Melayu di Malaysia mempunyai sikap berjiwa rakyat dan memahami apa yang dirasakan oleh rakyat terutamanya dalam keadaan yang tidak menentu sekarang ini.

Maklum, Negara Malaysia telah merdeka sejak lebih 60 tahun yang silam dari pentadbiran British (melalui penjawatan Penasihat dan Residen). Hakikatnya sistem Raja berperlembagaan adalah Raja Berdaulat yang telah wujud sekian lama di bumi bertuah ini seperti Melaka, Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan pahang merupakan pelopor kepada hukum kanun undang-undang negeri tersebut dan undang-undang Laut, seperti Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1885 dan Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 ini menyerlahkan ciri pentadbiran Raja Berperlembagaan. Dengan kata mudah Raja adalah ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sistem Raja berperlembagaan ini telah memberi tamparan hebat kepada British apabila sistem ini telah mengganggu hasrat mereka untuk menawan Tanah Melayu secara keseluruhannya. Justeru pihak British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 yang ternyata telah ditolak sama sekali oleh orang Melayu. Disebabkan sukar menembusi sistem ini, maka British terpaksa sekali lagi memperkenalkan Sistem Residen dan Sistem Penasihat seperti Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan pada 1956 yang dipengerusikan oleh Lord William Reid dengan kata lain British hanya mengambil alih hanya di peringkat pentadbiran dan atasan sahaja. Bermaksud ia tidak membumi seperti sistem Raja berperlembagaan sejak turun temurun lagi.

Adapun pendatang dari China dan India telah dibenarkan untuk tinggal di Malaysia selepas kemerdekaan secara rasmi, walaupun mereka bukan penduduk asal Malaysia namun mereka diberi taraf kewarganegaraan yang membolehkan mengundi untuk memilih kerajaan. Walaubagaimanapun ketegangan antara kaum tetap timbul dan perkara ini terus berlanjutan sehingga hari ini. Keharmonian merupakan formula yang tepat untuk menyatukan rakyat tanpa harmoni, hormat

menghormati antara kaum, saling bantu membantu maka perpecahan kaum akan mudah tercetus. Keamanan yang diidam pasti gagal sekiranya perkara ini terus dibiarkan berlarutan dan mungkin akan menjadi lebih teruk. Di antara risiko yang bakal rakyat tempuhi terpaksa berhadapan dengan pelbagai beban ekoran keadaan ekonomi negara yang merudum dan ketidastabilan politik di Malaysia. Pemimpin parti-parti politik lebih mengutamakan kepentingan diri sendiri berbanding kepentingan rakyat.

Untuk memastikan keadaan politik dan ekonomi serta perkauman yang tebal diperbaiki semula, Sistem Raja berperlembagaan diberi nafas baru supaya seiringan dengan suasana semasa yang semakin bergelodak ini. MCIO selaku badan berkecuali berusaha cuba menghidupkan kembali hubungan mesra Raja dan Rakyat perlu disatukan dibawah satu wadah. Program-program berbentuk suai kenal mesra Raja-Rakyat ini bakal melonjakkan paradigma pemikiran semasa masyarakat Malaysia tanpa membabitkan mana-mana parti politik semasa.

# **KEBAIKAN PARTI-PARTI KERAJAAN PERPADUAN**

## **BARISAN NASIONAL**

### **Menyemarakkan Semangat Nasionalisme**

Barisan Nasional atau UMNO merupakan parti yang terawal terbentuk sebelum kemerdekaan Tanah Melayu iaitu selepas penentangan terhadap Malayan Union yang dibawa oleh British. Kebanyakan tokoh politik yang terawal lahir dari parti ini, seperti Dato' Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman.

### **Merencanakan Ekonomi**

UMNO terlibat dalam membentuk dasar-dasar yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dasar seperti Dasar Ekonomi Baru yang dimulakan pada tahun 1971, bertujuan untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi di antara kumpulan etnik dan mempromosikan pembangunan ekonomi secara keseluruhan.

### **Kemajmukan Sosial**

Selama 60 tahun sebagai kerajaan, tidak dapat tidak UMNO telah menyumbang kepada pelbagai aspek sumbangan kepada masyarakat Malaysia secara umumnya meliputi dasar-dasar yang diperkenalkan iaitu dalam aspek sosial termasuk insentif pendidikan dan penjagaan kesihatan, untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk Malaysia.

### **Meningkatkan Taraf Kesihatan Rakyat**

Dato' Seri Mohd Najib Razak memperkenalkan Klinik 1Malaysia yang membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk membiayai kos ubat dan konsultasi bersama doktor. Rakyat hanya perlu membayar serendah RM1 untuk rawatan dan pemeriksaan di Klinik 1Malaysia. Program ini memberikan manfaat kepada rakyat walaupun terpaksa menunggu lama di klinik kerana pesakit yang ramai.

## Membangunakan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Barisan Nasional dan UMNO merupakan parti yang paling lama memerintah Malaysia. Ia bermula sejak sebelum merdeka dan jatuh pada 2018. Dalam tempoh tersebut, banyak perubahan dan pembangunan telah dilakukan.

Antara penambahbaikan infrastuktur yang dibuat adalah *Light-Rail Transit* (LRT), *MASS Rapid Transit*, *East Coast Rail Link (ECRL)*, pembangunan lebuh raya, *Kuala Lumpur International Aiport (KLIA)* dan banyak lagi projek lain yang mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Namun, jika projek jambatan bengkok tidak dibatalkan, mungkin ia dapat memberikan banyak manfaat kepada negara.

## **MCA**

### **Pembela Kepada Komuniti Cina**

Sebagai parti yang mewakili majoriti komuniti Cina dalam memelihara hak, kepentingan serta kesejahteraan komuniti tersebut, tokoh MCA menjadi perintis Kampung Baru Cina yang mana memisahkan komuniti Cina dengan Komunis bagi mengelakkan dan memerangi ancaman komunis sebelum kemerdekaan.

### **Penglibatan Dalam Kerajaan Antara Etnik**

Penglibatan secara langsung dalam politik dapat memperlihatkan kerjasama dan perpaduan dalam membawa prinsip-prinsip kerajaan berdasarkan perspektif dan suara masyarakat Cina.

## **MIC**

### **Pembela Kepada Komuniti India**

MIC tampil sebagai parti yang mewakili majoriti komuniti India dalam memelihara hak, kepentingan dan kesejahteraan komuniti tersebut.

### **Pluralisme Politik**

Penglibatan berlainan etnik membuka lebih banyak sisi pandang dalam memutuskan dan merangka polisi yang terbaik bagi rakyat Malaysia. Jika berlaku sesebuah isu, perwakilan MIC akan menyatakan pendirian bagi parti politiknya.

Barisan Nasional yang diterajui UMNO, dan parti MCA serta parti MIC adalah parti-parti tunjang yang membentuk kerajaan perpaduan yang stabil sehingga 2008 di mana Barisan Nasional kalah di 5 negeri. Propaganda dalam media sosial juga memainkan peranan dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya kerana maklumat tidak lagi dimonopoli oleh kerajaan dan rakyat mudah mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber dengan lebih cepat, mudah dan murah.

## **Democratic Action Party DAP**

### **Memajukan Pulau Pinang**

DAP telah mentadbir Pulau Pinang sejak lebih 15 tahun dahulu. Negeri tersebut telah mencapai banyak kemajuan terutama dari aspek ekonomi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Visi Penang 2030 untuk memperkukuhkan lagi sosioekonomi negeri tersebut.

Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Chon Kon Yiew, sebanyak 210 projek dan program sedang dan telah dilaksanakan bagi memastikan Visi Penang 2030 dapat direalisasikan.<sup>1</sup> Ia melibatkan usaha untuk mempercepatkan proses transformasi digital, membina daya tahan, menggunakan data dengan cekap, memberi keutamaan kepada belia, memperkasa komuniti wanita dan kanak-kanak dan banyak lagi aspek yang lain.

Antara projek terbesar adalah Projek Pulau Pinang Selatan (PSI) yang melibatkan penambakan laut secara besar-besaran dan projek mega yang sangat mewah. Walaupun ia mendapat tentangan daripada rakyat Pulau Pinang sendiri, namun, tidak dapat dinafikan projek tersebut akan mendatangkan manfaat kepada ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan mempercepatkan lagi pembangunan negeri ini.

### **Meningkatkan Mutu Pendidikan Sekolah Cina**

Infrastuktur dan kualiti guru Sekolah Persendirian Cina jauh berbeza dengan infrastuktur dan kualiti guru di Sekolah Kebangsaan serta Sekolah Menengah Kebangsaan. Hal ini kerana Sekolah Persendirian Cina dibantu oleh kerajaan dan juga tokoh DAP dengan dana yang sangat besar.

Pada tahun 2023, Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke yang juga merupakan Menteri Pengangkutan memaklumkan bahawa bantuan berjumlah RM15.7 juta diberikan kepada 63 buah sekolah persendirian Cina.<sup>2</sup> Selain itu, terdapat ramai masyarakat Cina yang sudi untuk memberikan sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) demi mendapatkan kualiti pendidikan yang bagus untuk anak-anak mereka.

---

<sup>1</sup>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1112402/47-peratus-projek-program-visi-penang-2030-dilaksana-kon-yeow>

<sup>2</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/662861>

## **PARTI KEADILAN RAKYAT (PKR)**

### **Gelombang Reformasi**

PKR lahir daripada gelombang reformasi oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas beliau dipecat daripada menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998. Parti ini komited menginginkan sebuah keadilan untuk rakyat dan memerangi kezaliman.

Tunjuk perasaan dan perarakan secara besar-besaran di Kuala Lumpur oleh ribuan penyokong Anwar Ibrahim. Beliau ingin melaksanakan reformasi secara menyeluruh terhadap kepimpinan negara dan ingin Dato Seri Dr Mahathir berundur dari jawatan Perdana Menteri setelah lama memegang kuasa.

Dalam ucapan Anwar Ibrahim, beliau menyatakan bahawa Mahathir Muhammad adalah pemimpin yang korup dan menyalahgunakan duit negara. Laungan “Reformasi” bergegar di Kuala Lumpur kerana gelombang yang dibawa oleh Dato’ Seri Anwar Ibrahim pada ketika itu.

### **Pemimpin Yang Beridealisme**

Dato’ Seri Anwar Ibrahim merupakan seorang pemimpin yang disegani dan mempunyai idealisme yang sangat tinggi. Sebagai Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), beliau memang dilatih untuk sentiasa membaca buku dan mempunyai wawasan yang tinggi.

Sejak usia remaja, beliau bercita-cita ingin menjadi Perdana Menteri dan mengubah sistem pemerintahan negara ke arah yang lebih baik dan adil. Cabaran demi cabaran terpaksa dihadapi oleh Dato’ Seri Anwar Ibrahim dan akhirnya pada usia 74 tahun, beliau berjaya menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Beliau juga memperjuangkan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ketika Kongres Universiti Islam anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada tahun 1971. Beliau pada ketika itu merupakan Presiden PKPIM telah menulis surat kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein untuk membawa idea mengenai penubuhan Universiti Islam.

Selain itu, Anwar Ibrahim juga memperjuangkan penubuhan perbankan Islam di Malaysia. Ketika Menjadi Menteri Kewangan, beliau mencadangkan supaya negara ini mempunyai institusi kemudahan dan perkhidmatan bank yang berlandaskan hukum Syariah dan ia dikhususkan kepada umat Islam.

# Penubuhan Bank Islam: Kajian dalam peringkat akhir – Anwar

MARANG, 4 Jun – Penubuhan Bank Islam yang dicadangkan kini dalam peringkat akhir mengkaji struktur dan perjalanannya bagi menentukan kesesuaiannya dengan kehendak Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim, berkata langkah itu penting kerana bank tersebut akan menjadi asas utama ke arah pelaksanaan sistem ekonomi Islam di negara ini di masa depan.

Berucap di perhimpunan dakwah sempena Hari dan Minggu Belia peringkat Negeri Terengganu di sini malam tadi, beliau berkata kerajaan juga akan menjemput pakar-pakar ekonomi



ENCIK ANWAR  
IBRAHIM

Islam tidak sedikitpun memberikan pendapat, cadangan ataupun sokongan positif tentang Bank Islam selain daripada mengaku bahawa merekalah yang mula-mula bercakap tentang penubuhan bank tersebut.

Menyentuh tentang Universiti Islam Antarabangsa, Encik Anwar berkata kerajaan sedang memikirkan tentang rupa bentuk, peranan dan bidang-bidang kajian

Petikan akhbar Utusan pada 5 Jun 1982

Anwar Ibrahim juga menjadi instrumental dalam budaya pemakaian tudung sebagai uniform sekolah. Sebelum tahun 80-an, masyarakat Islam di Malaysia tidak memakai uniform seperti mana hari ini. Pelajar perempuan memakai skirt dan tidak memakai tudung secara sempurna manakala pelajar lelaki memakai seluar pendek yang tidak menutup aurat.

Ketika Anwar Ibrahim menjadi pengerusi Yayasan Anda Akademik, beliau telah memperkenalkan kaedah pemakaian tudung yang sempurna bagi pelajar perempuan dan juga pemakaian seluar panjang bagi pelajar lelaki. Ini adalah suatu perubahan yang memerlukan kepada idealisme yang sangat tinggi.

# **KEBAIKAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG**

## PAS

### **Idealisme Islamisasi**

Sudah sedia maklum bahawa PAS merupakan parti politik yang membawa naratif agama Islam yang mana ia selari dengan perlembagaan Perkara 3 (1) Agama Islam sebagai agama persekutuan. Maka, PAS memperlihatkan akan imej Islam sebagai agama persekutuan.

### **Partisipasi Dalam Kerajaan Negeri**

Tiga kerajaan negeri yang sering diperlihatkan sebagai negeri pembangkang iaitu Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah kerana sokongan tidak berbelah bahagi kepada kerajaan negeri.

### **Mengamalkan Kepelbagaian Agama**

PAS memerintah negeri Kelantan sejak lebih 30 tahun yang lepas. PAS dituduh sebagai 'Kerajaan Taliban' jika mentadbir Malaysia. Namun, apa yang kita lihat di Kelantan, terdapat kuil terbesar di Asia Tenggara yang terletak di daerah Tumpat.

## **BERSATU**

### **Kemenjadian Pimpinan**

Parti BERSATU kini diketuai oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin dan mengambil alih pemerintahan negara dengan persetujuan Yang Dipertuan Agong bagi menjadi Perdana Menteri Malaysia. Pimpinan beliau ketika wabak Covid-19 mendapat tempat di hati rakyat apabila beliau dilihat sebagai 'abah' kepada seluruh rakyat Malaysia.

Beliau juga telah menyelamatkan ramai nyawa semasa era Covid-19. Beliau berpesan semasa sidang media supaya sentiasa menyediakan makanan seperti roti di atas meja dan memberikan semangat kepada rakyat untuk meneruskan kehidupan.

## GERAKAN

### **Strategik dan Pragmatik**

Parti ini ditubuhkan oleh cendekiawan dan demokrat dengan berobjektifkan Bangsa Malaysia sebagai asas kepada kenegaraan. Antara yang dibangkitkan adalah isu perpaduan di peringkat nasional.

### **Dipelopori oleh Bangsa Cina**

Parti GERAKAN dipelopori oleh etnik Cina. Sejarah kepengerusian parti ini adalah dari kalangan parti Cina, maka secara rumusnya, ia menarik lebih banyak etnik Cina sebagai keahliannya. Berdasarkan statistik pada 2016, 80% keahlian parti ini adalah daripada etnik Cina.

## **MUDA**

### **Nafas Baru Dalam Arena Politik**

MUDA ditubuhkan pada 17 September 2020 yang diketuai oleh Syed Saddiq sebagai Presiden. Parti ini ditubuhkan bagi membawa suara anak muda dan nafas baru kepada arena politik Malaysia. Kebanyakan anak muda yang inginkan perubahan akan memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada parti ini.

### **Kebangkitan Suara Anak Muda**

Syed Saddiq sentiasa tampil dengan pelbagai idea yang membawa kesedaran kepada anak muda dan membangkitkan kemungkar-kemungkar yang dibuat oleh ahli politik.

# **SUMBANGAN FIGURA POLITIK KERAJAAN PERPADUAN**

## DAP

## LIM GUAN ENG

### **Penghapusan GST dan Pengenalan SST**

Selepas Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 pada Mei 2018, salah satu langkah pertama yang diambil oleh Menteri Kewangan baru, Lim Guan Eng, adalah menghapuskan GST. Penghapusan GST dilaksanakan, dengan kadar GST dikurangkan kepada 0% bermula 1 Jun 2018. Langkah ini diambil untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan mengembalikan daya beli mereka

Salah satu matlamat utama penghapusan GST adalah untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat yang meningkat akibat GST. Lim Guan Eng percaya bahawa penghapusan GST dan pengenalan SST akan membantu menstabilkan harga barangan dan perkhidmatan.

### **Projek Penang Transport Master Plan (PTMP)**

Projek Penang Transport Master Plan (PTMP) adalah inisiatif komprehensif yang dirancang oleh kerajaan negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Lim Guan Eng untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas dan meningkatkan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang. Dilancarkan pada tahun 2013, PTMP bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan mobiliti penduduk, dan mewujudkan rangkaian pengangkutan yang mesra alam dan mampan.

Komponen utama PTMP termasuk pembinaan laluan Transit Aliran Ringan (LRT) sepanjang 30 km, Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL1) sepanjang 19.5 km, serta pengenalan perkhidmatan tram dan Bas Rapid Transit (BRT). PTMP juga mencadangkan pembinaan jambatan ketiga yang menghubungkan pulau dengan tanah besar sebagai alternatif kepada dua jambatan sedia ada. Projek ini dilaksanakan secara berperingkat dengan melibatkan komuniti setempat dalam proses perancangan dan kajian penilaian kesan alam sekitar (EIA) untuk memastikan pembangunan yang mampan.

PTMP dijangka akan meningkatkan mobiliti penduduk, mengurangkan kesesakan lalu lintas, menarik pelaburan, dan merangsang pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang. Infrastruktur pengangkutan yang lebih baik akan menyediakan alternatif pengangkutan yang cepat dan efisien, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang mesra alam, dan mengurangkan pelepasan karbon, menjadikan Pulau Pinang lebih mampan dan selesa untuk didiami.

## **Penang Digital Library**

Penang Digital Library yang dilancarkan pada tahun 2016 adalah projek inisiatif untuk meningkatkan literasi digital dan menyediakan akses kepada sumber-sumber pembelajaran digital. Perpustakaan ini menyediakan perkhidmatan digital yang canggih dan ruang untuk belajar yang kondusif bagi pelajar dan masyarakat.

## **PKR**

### **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

Dato' Seri Anwar Ibrahim memainkan peranan penting dalam memodenkan ekonomi Malaysia semasa beliau menjadi Menteri Kewangan dari tahun 1991 hingga 1998. Berikut adalah perincian sumbangan beliau dalam bidang ekonomi:

#### **Dasar Pengurusan Fiskal yang Berhemat**

Dato' Seri Anwar memperkenalkan langkah-langkah fiskal yang ketat untuk mengurangkan defisit dan hutang kerajaan. Beliau mengamalkan prinsip pengurusan fiskal yang berhemat dengan tujuan untuk memastikan kestabilan ekonomi jangka panjang. Beliau melaksanakan pengurangan perbelanjaan kerajaan dan meningkatkan hasil melalui pelbagai reformasi cukai. Pengurusan hutang kerajaan dilakukan dengan lebih efisien, termasuk pembayaran balik hutang dalam mata wang asing untuk mengurangkan beban hutang.

#### **Liberalisasi Ekonomi**

Dato' Seri Anwar mempromosikan liberalisasi ekonomi untuk membuka peluang pelaburan asing dan memperkuat sektor swasta. Antara langkah yang diambil termasuk menubuhkan zon perdagangan bebas yang menawarkan insentif cukai dan kemudahan infrastruktur untuk menarik pelaburan asing. Beliau juga mengurangkan birokrasi dan halangan untuk perniagaan, menjadikan Malaysia lebih menarik bagi pelabur luar.

#### **Pembangunan Infrastruktur Teknologi**

Dato' Seri Anwar memahami kepentingan teknologi dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Beliau melancarkan beberapa inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi di Asia Tenggara. Salah satu inisiatif utama ialah Multimedia Super Corridor (MSC), yang ditubuhkan pada tahun 1996. MSC adalah sebuah projek pembangunan yang bertujuan untuk menarik syarikat teknologi tinggi dan mempromosikan inovasi dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). MSC menawarkan insentif seperti pengecualian cukai dan perlindungan harta intelek untuk syarikat yang beroperasi dalam koridor ini. Selain itu, Anwar memperluaskan

akses kepada teknologi maklumat dengan meningkatkan infrastruktur internet dan telekomunikasi di seluruh negara.

## **Diversifikasi Ekonomi**

Untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada sektor komoditi, Dato' Seri Anwar mendorong diversifikasi ekonomi dengan mengembangkan sektor pembuatan dan perkhidmatan. Beliau memberi insentif kepada industri pembuatan untuk meningkatkan eksport dan nilai tambah. Di samping itu, beliau memperluaskan sektor perkhidmatan, termasuk kewangan, pendidikan, dan pelancongan, untuk mencipta peluang pekerjaan baru dan menambah pendapatan negara.

## **Pembaharuan dalam Sistem Kewangan**

Dato' Seri Anwar juga memperkenalkan reformasi dalam sistem kewangan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan. Beliau menggalakkan persaingan dalam sektor kewangan dengan membenarkan kemasukan bank asing dan institusi kewangan ke dalam pasaran Malaysia. Selain itu, beliau memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan kestabilan dan daya tahan sistem perbankan, termasuk keperluan modal yang lebih ketat dan pengawasan yang lebih baik.

## **Pengurusan Krisis Kewangan Asia 1997-1998**

Dato' Seri Anwar memainkan peranan penting semasa Krisis Kewangan Asia, di mana beliau mengambil beberapa langkah untuk menstabilkan ekonomi Malaysia. Beliau mengurangkan perbelanjaan awam dan memotong gaji sektor awam untuk mengurangkan defisit. Dato' Seri Anwar juga memperkenalkan pembaharuan struktur untuk meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia di peringkat global.

## PKR

### MOHD RAFIZI BIN RAMLI

#### **Memperkenalkan Konsep Skim Gaji Minimum**

Rafizi Ramli memainkan peranan penting dalam pengenalan Skim Gaji Minimum di Malaysia, memperjuangkan dasar ini untuk memastikan pekerja berpendapatan rendah mendapat pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. Skim Gaji Minimum yang diperkenalkan pada tahun 2013 bertujuan meningkatkan taraf hidup pekerja, mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan, dan menjamin bayaran yang adil.

Pada tahun 2012, kerajaan Malaysia mengumumkan pengenalan gaji minimum nasional yang bermula pada tahun 2013. Kadar gaji minimum ini telah dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan ia relevan dengan kos sara hidup semasa. Misalnya, pada 2018, kerajaan menetapkan gaji minimum pada kadar RM1,500 sebulan.

#### **Penubuhan INVOKE**

Rafizi Ramli telah menubuhkan Syarikat INVOKE Solutions Sdn Bhd. pada tahun 2016. Syarikat ini beroperasi sebagai entiti bebas yang memberi tumpuan kepada penggunaan data besar (big data) dan analitik untuk mempengaruhi politik dan dasar awam di Malaysia.

Melalui INVOKE, Rafizi menjalankan pelbagai aktiviti termasuk analisis data pilihan raya, kajian dan penyelidikan dasar, serta latihan politik, yang membantu dalam merancang strategi kempen lebih efektif.

Antara kejayaan INVOKE adalah membantu Parti Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum ke-14, dengan menggunakan analitik data, syarikat ini dapat meramalkan trend pengundian dan mengenalpasti kawasan yang kritikal untuk kempen lebih agresif.

INVOKE juga terlibat dalam aktiviti sosial untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai isu-isu semasa, literasi kewangan, dan mempromosikan ketelusan serta integriti dalam pemerintahan. Sumbangan Rafizi melalui Skim Gaji Minimum dan INVOKE Malaysia telah memberikan impak besar dalam memperbaiki taraf hidup pekerja, meningkatkan kecekapan politik, dan memperkuatkan demokrasi di Malaysia.

## **BARISAN NASIONAL**

### **DATO' SERI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

#### **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**

Salah satu program utama yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Zahid Hamidi adalah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang melibatkan kerjasama antara pelbagai agensi- agensi kerajaan untuk mengurangkan jenayah. Inisiatif ini termasuk penubuhan polis bantuan dan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan panas jenayah.

NBOS diperkenalkan pada tahun 2009 dengan bertujuan bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan. Terdapat lebih daripada 80 jabatan dan agensi kerajaan melaksanakan 116 inisiatif NBOS secara kolaboratif sejak pelancarannya. Hasil kerjasama di kalangan Jabatan dan agensi Kerajaan berjaya memecahkan benteng yang sebelum ini memberi kesan kepada kelancaran program-program Kerajaan. Malah melalui kerjasama kreatif inisiatif NBOS, pelbagai jabatan dan agensi-agensi Kerajaan akan lebih mengetahui fungsi masing-masing dengan lebih mendalam dan dengan itu dapat mengelakkan pertindihan yang tidak perlu di antara jabatan dan agensi-agensi Kerajaan agar lebih efisien.

## **BARISAN NASIONAL**

### **DATO' SERI MOHD NAJIB BIN RAZAK**

#### **Tun Razak Exchange (TRX)**

Projek Tun Razak Exchange (TRX) dilancarkan pada tahun 2012 oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak, dengan tujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan dan perniagaan serantau.

Projek ini dinamakan sempena Perdana Menteri kedua Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein, dengan tujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan dan perniagaan serantau. TRX terletak di kawasan strategik di Kuala Lumpur dan dirancang untuk menjadi hab kewangan antarabangsa

Bangunan ini adalah salah satu bangunan tertinggi di Malaysia dan menawarkan ruang pejabat berkualiti tinggi

#### **Klinik 1 Malaysia.**

Klinik 1Malaysia merupakan sebuah projek klinik yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak di Flet Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur. Perasmian 50 klinik 1 Malaysia di seluruh Malaysia memberi makna besar tanggungjawab kerajaan kepada golongan marhain. Kehadiran klinik ini bertepatan dengan gagasan 1Malaysia iaitu 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'. 50 buah klink dibuka dengan peruntukan RM10 juta daripada Bajet 2010

Klink 1 Malaysia ditempatkan berdekatan kawasan perumahan supaya rakyat tidak perlu berkenderaan ke Klinik-klinik kesihatan yang jauhnya sehingga 10 kilometer dari rumah. Klinik 1Malaysia amat wajar bagi tujuan penjagaan kesihatan golongan miskin bandar.

#### **BR1M**

BR1M atau program "Bantuan Rakyat 1 Malaysia" dirangka oleh bekas Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meringankan beban golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendengar kesusahan rakyat miskin dan oleh

itu satu program perlu dirangka untuk membantu golongan berpendapatan rendah mengurangkan kos sara hidup yang tinggi di Malaysia.

## **Rumah PR1M**

Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Najib Razak, pada tahun 2011. Tujuan utama PR1MA adalah untuk menyediakan rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana di Malaysia, dengan fokus khusus kepada penduduk bandar yang menghadapi kesukaran memiliki rumah akibat harga hartanah yang tinggi.

Kelayakan untuk Membeli Rumah PR1MA mestilah warganegara Malaysia dan pendapatan isi rumah pemohon (gabungan pendapatan suami dan isteri) mesti berada dalam lingkungan RM2,500 hingga RM15,000 sebulan. Selain itu, pemohon mestilah belum memiliki rumah atau yang hanya memiliki satu rumah layak memohon. Perumahan PR1MA juga menawarkan skim pembiayaan yang fleksibel, termasuk skim sewa beli (Rent-to-Own) untuk memudahkan pembelian rumah

## **Urban Transformation Centre (UTC)**

Urban Transformation Centre (UTC) adalah salah satu inisiatif utama yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Razak, untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan memudahkan akses rakyat kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan dan sektor swasta. Projek ini dilancarkan pada tahun 2012 sebagai sebahagian daripada usaha transformasi ekonomi dan sosial negara.

Objektif Projek UTC adalah untuk Menyediakan pusat sehenti yang menggabungkan pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta di bawah satu bumbung, memudahkan rakyat untuk mengakses perkhidmatan tersebut dengan lebih mudah dan cepat. Selain itu juga dapat meningkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat bandar dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang komprehensif, termasuk perkhidmatan kesihatan, pendidikan, dan perbankan.

Antara perkhidmatan kerajaan yang berada di dalam UTC adalah Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Perkhidmatan kesihatan (klinik 1Malaysia) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sehingga ke hari ini terdapat 10 cawangan UTC yang masih beroperasi di seluruh negara.

## BARISAN NASIONAL

### DATIN SERI ROSMAH MANSOR

#### **Program Permata**

Datin Seri Rosmah Mansor, isteri bekas Perdana Menteri Malaysia Najib Razak, telah memainkan peranan aktif dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam pendidikan, pembangunan wanita dan kanak-kanak, serta kebajikan sosial. Berikut adalah beberapa sumbangan utama beliau dalam program permata. Program Permata merupakan inisiatif utama Rosmah Mansor yang bertujuan untuk menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Program ini merangkumi beberapa komponen iaitu Permata Negara, Permata Pintar, Permata Seni and juga Permata Insan.

Program Permata Negara dilancarkan pada tahun 2007 sebagai respons kepada keperluan untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Program ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dikendalikan oleh pelbagai agensi yang berkaitan dengan pendidikan dan kebajikan kanak-kanak dengan menyediakan pendidikan dan asuhan yang menyeluruh untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun.

Program Permata Pintar dilancarkan pada tahun 2009 dengan tujuan untuk menyediakan pendidikan khas kepada kanak-kanak berbakat dan pintar. Program ini bertujuan untuk mengasah bakat dan kecerdasan mereka agar dapat mencapai potensi maksimum. Kerajaan Malaysia juga berkolaborasi dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk program Permata Pintar UKM yang menasaskan kanak-kanak dan remaja berbakat dalam lingkungan umur 9 hingga 15 tahun untuk mengikuti kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan kanak-kanak pintar, termasuk mata pelajaran seperti matematik, sains, dan teknologi.

Program Permata Seni dilancarkan pada tahun 2010 untuk menggilap bakat dan potensi tinggi murid-murid dalam Seni Koir, Seni Muzik dan Seni Tari. Pelaksanaan program ini dibuat dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di bawah payung Program PERMATA. Kanak-kanak yang menyertai program ini menerima latihan berkualiti tinggi dan berpeluang mempersembahkan bakat mereka di pelbagai acara di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Kanak-kanak dari program ini telah membawa pulang anugerah dan penghargaan dari serata dunia.

